

09 APR 2000

Umno-Latihan

UMNO MULAKAN PROGRAM LATIHAN TINGKAT KEFAHAMAN

KOTA BAHARU, 9 April (Bernama) -- UMNO Kelantan akan memulakan program latihan bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai falsafah, ideologi dan perjuangan parti dikalangan pemimpin pelapis dan generasi baru.

Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan Datuk Annuar Musa berkata pihaknya baru sahaja menyiapkan modul kurikulum latihan selama tiga hari yang dirangka secara pakej.

Pengambilan pertama program itu yang mengandungi 150 peserta dijangka dilakukan pada Mei, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek bantuan TEKUN kepada 140 penerima di Kampung Chengal, Peringat, dekat sini hari ini.

Beliau berkata modul itu akan dikemukakan kepada Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jika sesuai program latihan itu akan diperluaskan ke negeri lain.

Menurut Annuar, beliau juga akan mengadakan perbincangan lanjut berhubung program itu dengan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Datuk Hishammuddin Tun Hussein supaya ia boleh digunakan oleh anggota pergerakan berkenaan.

Annuar berkata bagi menjadikan program itu lebih menarik, pihaknya akan memanfaatkan teknologi multimedia, umpamanya mengadakan sidang video bersama penceramah.

Menurut Annuar, program latihan itu boleh dijadikan persiapan untuk mendapatkan semula Kelantan dan Terengganu disamping mengukuhkan pengaruh UMNO yang terhakis di beberapa negeri pada pilihan raya lalu.

-- BERNAMA

SM FAZ